

# Malaysia bukan negara ke baji kan: Mahathir

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan tidak akan menjadikan Malaysia sebagai negara kebajikan (welfare state) bagi mengelakkan wujudnya masalah sosial yang berpunca daripada terhapusnya sistem kekeluargaan tradisional, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memang mempunyai peruntukan kebajikan iaitu memberi bantuan termasuk membina rumah untuk golongan termiskin.

"Ada peruntukan Kerajaan untuk maksud ini walaupun ianya menimbulkan masalah; kerana apabila kita memberi pertolongan, semuanya berkata mereka miskin dan hendakkan bantuan," kata Perdana Menteri melalui rancangan Wawancara 'Bersama Perdana Menteri' yang disiarkan melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM) malam tadi.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, kerajaan tidak ingin melihat keruntuhan sistem keluarga, di mana menjadi tanggungjawab keluarga untuk menjaga anggota keluarganya yang miskin dan daif.

"Kerajaan boleh memberi bantuan tetapi kita tidak boleh memberi kesayangan. Kita cuma beri duit saja, tetapi tidak ada perasaan. Tetapi keluarga mereka bukan saja boleh membantu tetapi memberi perasaan kesayangan dan inai amat penting kepada orang tua dan cacat," katanya.